

13/08/1999

Kementerian, polis perang video, CD lucah

Ibrahim Mohamad

KUALA TERENGGANU, Khamis - Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Polis Diraja Malaysia (PDRM), akan bekerjasama mengatasi penjualan video dan CD lucah yang berleluasa sekarang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata bahagian penguatkuasa kementerian itu tidak mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap penjual video dan CD lucah.

Beliau berkata, pegawai kementerian itu hanya mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan atas kesalahan jika peniaga terbabit dalam kesalahan cetak rompak dan kawalan harga saja.

"Sedangkan setiap kali serbuan dibuat 20 hingga 30 peratus video dan CD yang kita rampas mempunyai unsur lucah. Kami hanya boleh merampas tetapi tidak boleh mengambil tindakan.

"Sebab itu selepas ini setiap kali serbuan dan pemeriksaan yang akan dijalankan akan disertai pegawai penguatkuasa kementerian kami dan pihak polis," katanya.

Megat Junid berkata, Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengambil tindakan terhadap kesalahan cetak rompak dan kawalan harga, manakala tindakan berasingan atas kesalahan penjualan video dan CD lucah akan diambil oleh polis.

Menurut beliau, kementerian itu tidak mempunyai cadangan untuk mengambil alih tugas yang dijalankan oleh polis walaupun terdapat kesalahan di bawah jabatan berlainan dalam satu serbuan dan pemeriksaan.

Katanya, kerjasama di antara jabatan ini menunjukkan persefahaman yang tinggi di antara pegawai di kedua jabatan yang berlainan demi untuk memberi keselesaan dan hak pengguna.

Megat Junid juga berkata pihaknya akan mengkaji secara terperinci masalah perbezaan harga barangan pengguna yang terlalu ketara di antara bandar utama di seluruh negara.

Katanya, satu jawatankuasa khas sudah dibentuk membabitkan Kementerian Pertanian dan Kementerian Pengangkutan untuk tujuan berkenaan.

Jawatankuasa berkenaan katanya, akan bermesyuarat esok untuk menentukan kajian dan tindakan yang perlu diambil bagi menyiapkan laporan berkenaan untuk dibentangkan ke Kabinet.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan kajian itu dibuat disebabkan perbezaan harga barangan yang terlalu ketara.

"Kajian dijangka siap dalam tempoh dua bulan bermula minggu ini akan diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (Mten) untuk mengenali masalah dan agensi terbabit akan dipanggil untuk mengatasinya," katanya.

(END)